

Pilih laluan tepat jadi akauntan bertauliah, berilmu

Prof Madya Dr Zaimah Abdullah, Pensyarah Perakaunan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Apabila keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), matrikulasi atau diploma diumumkan, ramai ibu bapa bertanya adakah anak mereka wajib mengambil Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) atau kelayakan profesional lain untuk menjadi akauntan bertauliah?

Jawapannya, tidak semestinya. Di negara ini, terdapat lebih satu laluan untuk memperoleh gelaran Chartered Accountant Malaysia, termasuk kelayakan perakaunan diiktiraf, keahlian badan profesional diiktiraf dan MIA Qualifying Examination (MIA QE) bagi calon memenuhi syarat.

Setiap laluan mempunyai kelebihan, kos, tempoh dan tuntutan berbeza. Persoalan sebenar bukanlah laluan mana paling hebat atau cepat, tetapi paling sesuai untuk membentuk akauntan kompeten, berintegriti dan bersedia menghadapi perubahan profesion.

Institut Akauntan Malaysia (MIA) yang mengawal selia dan membangunkan profesion perakaunan negara, kini mempunyai lebih 41,000 ahli, meskipun masih di bawah aspirasi jangka panjang untuk mencapai 60,000 profesional perakaunan menjelang 2030.

Namun, usaha menambah bilangan akauntan tidak seharusnya sekadar mengejar angka. Negara memerlukan profesional berintegriti, celik teknologi dan mampu membuat pertimbangan berkualiti.

Siswazah perakaunan diiktiraf boleh memohon menjadi ahli MIA selepas sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman praktikal yang relevan serta memenuhi proses pendaftaran. Seseorang juga boleh memohon melalui keahlian badan profesional selepas memenuhi syarat peperiksaan, pengalaman praktikal, etika dan keahlian badan berkenaan.

Laluan universiti menawarkan pengalaman pendidikan menyeluruh, termasuk mempelajari laporan kewangan, audit, percukaian, perakaunan

pengurusan dan kewangan, selain membina kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan dan pemikiran kritikal.

Tugas akauntan tidak lagi terhad kepada merekod transaksi atau menyediakan penyata kewangan, tetapi sebagai penganalisis data, pengurus risiko, penasihat perniagaan dan rakan strategik kepada pihak pengurusan.

Perlu penuhi syarat keahlian MIA

Namun, siswazah masih perlu mendapatkan pengalaman relevan dan memenuhi syarat keahlian MIA.

Kelayakan profesional seperti ACCA, CIMA, ICAEW, CPA Australia dan MICPA menawarkan pembelajaran lebih berorientasikan peperiksaan profesional dan keperluan amalan. Fokusnya berbeza mengikut badan, termasuk audit, pelaporan korporat, percukaian, kewangan, strategi dan pengurusan prestasi.

Laluan ini boleh meningkatkan pengkhususan dan daya saing, terutama yang ingin membina kerjaya dalam firma audit, syarikat multinasional, perkhidmatan kewangan atau pasaran antarabangsa.

Namun, ia menuntut disiplin, ketahanan mental dan pengurusan masa baik. Walaupun kelihatannya lebih pantas, tempoh sebenar bergantung pada kemampuan calon melengkapkan peperiksaan dan pengalaman praktikal ditetapkan.

Calon juga perlu menilai kos keseluruhan, termasuk yuran peperiksaan, kelas persediaan, bahan pembelajaran, keahlian tahunan dan kemungkinan mengulang kertas. Laluan ini lebih sesuai bagi pelajar yang mampu belajar secara berdikari, mempunyai matlamat kerjaya jelas dan bersedia memberikan komitmen secara konsisten.

Universiti dan kelayakan profesional tidak semestinya menjadi dua pilihan saling bertentangan. Sebahagian program perakaunan universiti membolehkan siswazah memperoleh pengecualian daripada beberapa kertas peperiksaan profesional.

Selepas menamatkan ijazah, mereka boleh meneruskan baki kertas dan memenuhi syarat lain bagi mendapatkan kelayakan profesional. Pendekatan ini menggabungkan keluasan pendidikan universiti dengan pengkhususan serta pengiktirafan tambahan daripada badan profesional.

Pengecualian bagaimanapun tidak diberikan secara automatik kepada semua siswazah. Bilangannya bergantung pada program universiti, badan profesional, mata pelajaran, pencapaian akademik dan syarat semasa.

MIA QE ialah laluan alternatif bagi siswazah perakaunan, perniagaan atau kewangan tidak mempunyai kelayakan yang memberikan laluan terus kepada keahlian MIA. Calon mesti memiliki sekurang-kurangnya ijazah pertama dengan kandungan perakaunan mencukupi dan tertakluk kepada penilaian MIA.

Sebelum mendaftar, pelajar dan ibu bapa perlu menyemak status pengiktirafan program, jumlah kos sebenar, tempoh pengajian, pengecualian peperiksaan, latihan praktikal dan syarat keahlian.

Jangan memilih hanya kerana popular, mengikut rakan atau dipromosikan sebagai laluan paling cepat. Pilihan perlu mengambil kira kemampuan kewangan, gaya pembelajaran dan sasaran kerjaya.

Profesion perakaunan sedang berubah akibat kecerdasan buatan (AI), automasi, analitik data, sistem kewangan digital dan tuntutan pelaporan kelestarian. Akauntan masa depan perlu mahir teknologi, mentafsir data, berkomunikasi dengan pelbagai pihak dan membuat pertimbangan berasaskan etika.

Teknologi boleh mengambil alih banyak tugas rutin, tetapi pertimbangan profesional, keberanian moral dan tanggungjawab terhadap kepentingan awam masih memerlukan peranan manusia.

Hakikatnya, negara memerlukan akauntan berilmu, boleh dipercayai, celik teknologi dan mampu memberikan nilai kepada organisasi serta masyarakat.